

# MB Johor di perairan neutral - Dr. Mahathir

DM-2011/2019 v/d: 2

■ KUALA LUMPUR 19 JAN.

**T**UN Dr. Mahathir Mohamad berkata, Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sopian berada di perairan neutral dan tidak mencero boh wilayah Singapura semasa lawatan ke atas kapal Malaysia pada 9 Januari lalu.

Mengakui lawatan Osman ke atas kapal pengawasan Malaysia di pelabuhan Johor itu tanpa kebenaran kerajaan Persekutuan, Perdana Menteri berkata, beliau terkejut dengan reaksi berhubung perkara berkenaan.

"Maksud saya reaksi terhadap beliau (Osman) ke sana agak keterlaluan seolah-olah beliau pergi berperang. Maksud saya beliau cuma ke kapal, ke perairan neutral," katanya menjawab soalan seorang hadirin selepas menyampaikan syarahan di Oxford Union yang disiarkan secara langsung oleh Astro Awani dari London, awal hari ini.

Hadirin itu bagaimanapun menegaskan, Osman telah mencero boh perairan wilayah Singapura, namun Dr. Mahathir menegaskan kawasan tersebut adalah perairan antarabangsa.

"Ia bukan perairan Singapura, ia perairan antarabangsa dan Menteri Besar boleh pergi ke perairan antarabangsa tanpa memerlukan Singapura menghantar kapal perang untuk menghalau beliau," katanya.



Singapura sifatkan 'pencero boh' Menteri Besar Johor memburukkan keadaan

• Menteri Luar Singapura, Vivian Balakrishnan berucap di Parlimen republik itu semalam, melaporkan bahawa tindakan Menteri Besar Johor, Osman Sopian mengganggu status quo bertahun lamanya antara

• "Tindakan ini tidak baik untuk hubungan dua hala. Mereka (Malaysia) mencipta risiko bahaya terhadap langkah-langkah dan tindak balas yang akan memburukkan lagi suasana."

**KERATAN** akhbar *Utusan Malaysia* 15 Januari lalu.

Semalam, Kementerian Luar berkata, ia cuba menghalang Osman daripada melawat pelabuhan Johor Bahru, lawatan yang didakwa Singapura menyebabkan Osman mencero boh perairannya.

Osman menafikan beliau mencero boh perairan republik itu dan lawatannya ke atas kapal MV Pedoman pada 9 Januari lalu adalah untuk melihat

sendiri pasukan keselamatan Malaysia melakukan tugasnya.

Singapura mendakwa Osman mencero boh perairan wilayahnya dan membuat bantahan menerusi nota diplomatik kepada Wisma Putra bertarikh 11 Januari, selain mahu menanggukkan mesyuarat ke-14 Jawatankuasa Bersama Menteri bagi Iskandar Malaysia yang dijadualkan pada 14 Januari. - BERNAMA